



PENGITIRAFAN DNA DI MAHKAMAH SYARIAH

Aplikasi hukuman takzir di Malaysia mengiktiraf ujian DNA sebagai medium pembuktian mahkamah berdasarkan penggunaan Seksyen 34 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1993 yang memperjelaskan prinsip '*Rebuttable Presumption*' dalam status qarinah. Prinsip ini mengiktiraf qarinah itu boleh berdiri dengan sendiri, mungkin tidak boleh berdiri sendiri atau mungkin boleh disangkal.

Dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah, DNA boleh dijadikan qarinah untuk menyokong sesuatu pertuduhan, namun DNA itu tidak boleh sesekali digunakan untuk mensabitkan seseorang dengan suatu kesalahan. Ini kerana, qarinah itu bukan bukti yang qatle secara syarie. Dalam kes zina, Islam menetapkan bukti dalam tiga cara dan kebiasaannya ini yang diamalkan di mahkamah syariah; (1) Pengakuan dari penzina itu sendiri (ikrar), (2) Mesti mendatangkan empat orang saksi (lelaki). Tidak cukup empat saksi Islam menetapkan kesemua saksi perlu melihat sendiri kejadian zina tersebut (shahadah), (3) Bukti kehamilan perempuan itu, dengan syarat perempuan itu belum disahkan berkahwin dan tidak ada bukti bahawa dia dirogol.

Dalam keadaan ini, kehamilan wanita yang belum berkahwin adalah qarinah kepada kemungkinan dia berzina tetapi bukannya bayyinah kepada dia telah berzina. Sekiranya adanya bukti melalui kaedah DNA di mana terdapatnya air mani seorang lelaki dalam faraj wanita itu keadaan ini hanyalah qarinah bahawa dia telah berzina dan elemen bayyinah (pembuktian) dia berzina masih belum lagi wujud. Lain kerana, kemungkinan besar wanita itu telah dirogol atau diania dengan tanpa kerelaan atau kesedarannya.

Bagi pemakaian kes-kes di mahkamah syariah pula, dalam satu kes **Pendakwa Syarie Negeri Sabah Iwn Rosli bin Abdul Japar**. Dalam kes ini hakim telah mensabitkan tertuduh dengan kesalahan persetubuhan haram sehingga melahirkan anak luar nikah. Berdasarkan ujian saintifik dan keterangan pakar (laporan ujian DNA) oleh ahli kimia Encik Mohd Izuan Othman keatas ketiga-tiga penyumbang spesimen darah, Pendakwa menyatakan wujudnya qarinah yang kuat mengaitkan hubungan tertuduh sehingga melahirkan anak luar nikah telah dibuktikan melalui kaedah saintifik. Dalam kes ini, Rosli Bin Abdul Japar telah dituduh melakukan persetubuhan haram dengan Murni Binti Muhammad sehingga melahirkan anak luar nikah lelaki bernama Hasmawi Bin Abdullah. Walau bagaimanapun, hukuman hadd tidak boleh dijatuahkan kepada mereka hanya dengan melihat kepada pandangan pakar semata-mata kerana amalan di Malaysia bagi jenayah zina adalah merujuk hukuman takzir.

Dalam Seksyen 86 (1), Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 1992, menyebut "**Keterangan dalam kes zina yang membawa hukuman hudud tidak boleh diterima kecuali ia disaksikan oleh empat orang lelaki**".

Seterusnya, keputusan ujian DNA yang dipohon oleh pihak pembela (Rosli) dengan pakar kimia yang berbeza gagal dibentangkan di mahkamah. Memandangkan keputusan ujian DNA pihak pendakwa (Murni) tidak dicabar, maka mahkamah berpuashati dengan keputusan ujian DNA tunggal yang dikemukakan oleh pihak Pendakwa.

Seterusnya, dalam penghujahan, Pihak pembelaan dalam kes ini menghujahkan keterangan pakar DNA tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan peruntukan seksyen 86(1), Enakmen Keterangan Mahkamah Negeri Sabah 1992. Walau bagaimanapun, Hakim bicara memutuskan beban pembuktian dalam seksyen 86(1) tidak terpakai dalam kes yang sedang dibicarakan. Ini berikutan sekiranya kesalahan disabitkan ke atas tertuduh, hukuman yang boleh dikenakan bukanlah hukuman Hudud tetapi hanyalah hukuman ta'zir. Oleh itu, Pendakwa Syarie tidak terikat untuk membawa 4 orang saksi lelaki. Dalam kes ini, bukti melalui keterangan pakar secara saintifik iaitu melalui ujian DNA adalah cara yang paling sesuai untuk membuktikan kesalahan persetubuhan haram yang dilakukan tertuduh memandangkan elemen pembuktian secara ikrar (pengakuan) dan shahadah (kesaksian) tidak dapat dilakukan. Qarinah dalam tindakan ini boleh diterima sebagai bukti

tunggal kerana tiada sebarang bukti lain yang menentang sedangkan peluang untuk mencabar telah diberikan kepada pihak Pembelaan.

Seterusnya, dapar juga dilihat kepada pandangan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-101 yang bersidang pada 27 September 2012 telah membincangkan Hukum Menggunakan DNA Untuk Menentukan Status Nasab Anak Dan Tempoh Melaksanakan *Li'an* Untuk Menafikan Nasab Anak. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

- a) Muzakarah menegaskan bahawa Islam sangat menitik beratkan persoalan nasab dan apabila telah ada dalil yang mengisbatkan nasab, maka penafiannya tidak boleh diterima melainkan dengan kaedah *Li'an* kerana *Li'an* telah sabit melalui al-Quran, al-Sunnah dan al-Ijm'a dan merupakan suatu amalan *taabudiah*.
- b) Muzakarah juga menjelaskan bahawa Majma' Fiqh al-Islami yang bersidang pada 21 – 26 Syawal 1422 bersamaan 5 – 10 Januari 2002 telah memutuskan bahawa untuk mengisbatkan nasab, penggunaan DNA dibenarkan dan dilakukan atas perintah mahkamah hanya dalam kes pertelingkahan ketidaktahuan nasab anak atas pelbagai sebab, kes kekeliruan atau pertukaran anak di hospital atau pusat jagaan, kes bayi tabung uji serta dalam kes anak-anak yang hilang atas sebab bencana alam dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Majma' al-Fiqh al-Islami menetapkan bahawa DNA tidak boleh digunakan untuk menafikan nasab anak apalagi digunakannya mendahului kaedah *li'an*.
- c) Muzakarah menegaskan bahawa para Fuqaha' telah bersepakat bahawa penafian nasab anak melalui kaedah *li'an* perlu dilakukan dengan kadar segera dan jika penafian nasab tidak dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan, maka gugurlah hak penafian nasab tersebut.
- d) Muzakarah turut menegaskan bahawa merujuk kepada Mazhab Shafie, terdapat dua pandangan iaitu dalam *qaul qadim* dan *qaul jadid*. Dalam *qaul qadim*, Imam Shafie menetapkan bahawa penafian hendaklah berlaku sejurus diketahui kelahiran bayi tersebut. Sekiranya penafian tidak dibuat, bermakna seseorang itu telah mengakui bahawa bayi tersebut adalah anaknya. Namun begitu, dalam *qaul jadid*, penafian tidak semestinya secara terus. Ia memerlukan masa sebelum sesuatu keputusan diambil memandangkan ia merupakan satu perkara yang penting. Ia boleh ditangguhkan sehingga tiga hari dan atas sebab-sebab keuzuran.
- e) Sehubungan itu, berdasarkan penegasan dan pandangan para ulama' mengenai tempoh segera bagi melakukan *li'an* untuk menafikan nasab anak, Muzakarah berpandangan bahawa seseorang yang hendak melakukan *li'an* bagi penafian nasab anaknya perlu mempunyai tempoh waktu yang munasabah sebelum membuat keputusan demi mengelakkan sebarang kemudaratan yang mungkin berlaku.
- f) Oleh yang demikian, Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa tempoh segera bagi seseorang bapa yang hendak melakukan *li'an* bagi menafikan nasab anaknya adalah bermula daripada tarikh isterinya disahkan mengandung sehingga tiga (3) hari selepas bersalin. Penafian setelah tempoh munasabah tersebut adalah tertolak dan anak tersebut adalah sah dan sabit sebagai anaknya.
- g) Muzakarah juga bersetuju memutuskan supaya garis panduan untuk menjalankan ujian DNA oleh pihak berkuasa berkaitan hendaklah diperketatkan lebih-lebih lagi dalam isu untuk menafikan nasab kerana DNA hanya sekadar *qarinah* atau sokongan semata-mata dan tidak boleh dijadikan bukti utama.

**Nur Zulfah Md Abdul Salam,
Pensyarah,
Jabatan Undang-undang,
Fakulti Syariah dan Undang- undang, KUIS.**